

Dapatkan 2 Tiket Wayang GSC bila anda memohon Akaun Semasa / Simpanan Dalam Talian

TEMPOH PROMOSI

“Promosi dapatkan 2 Tiket Wayang bila anda memohon Akaun Semasa / Simpanan Dalam Talian” Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) (“Promosi”), bermula dari 18 April 2017 hingga 30 Jun 2017, kedua-dua tarikh termasuk kecuali jika diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

Terma & Syarat

Terma dan syarat yang berikut terpakai untuk Promosi (“T&S”):

Kelayakan

1. Promosi ini sah untuk Akaun Semasa dan Simpanan Konvensional HLB (“CASA”) dan kriteria kelayakan untuk mengambil bahagian adalah seperti berikut:

CASA

- i. Promosi ini dibuka kepada semua pelanggan individu rakyat Malaysia HLB yang merupakan pemegang akaun utama CASA, tidak termasuk pelanggan “Private Banking” (“Pemegang Akaun”).
- ii. Promosi ini **TIDAK** sah bagi pelanggan bukan individu termasuk pemilik tunggal, perkongsian, pengamal profesional, syarikat dan badan-badan korporat.
- iii. Promosi ini terbuka kepada semua Pemegang Akaun baru dan sedia ada yang berikut (“Akaun Terlibat”):
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Hong Leong
 - (c) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (d) Akaun Semasa Hong Leong
 - (e) Akaun Simpanan “Senior Savers” Hong Leong
 - (f) Akaun Simpanan “Harvest” Hong Leong
 - (g) Akaun “Pay&Save” Hong Leong
 - (h) Akaun “SmartLink” Hong Leong
 - (i) Akaun “Top Yield” Hong Leong
 - (j) Akaun “One” Hong Leong

(setiap satu “Pemegang Akaun Layak”).

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Terlibat yang dinyatakan dalam Klausa 1 (iii) di atas adalah layak untuk perlindungan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

Mekanik Promosi

2. Pemegang Akaun Layak:

- a) yang berjaya mengemukakan permohonan secara dalam talian bagi mana-mana Akaun Terlibat (“Permohonan”) melalui www.hlb.com.my (“laman web HLB”) semasa Tempoh Promosi;
- b) yang Akaun Terlibat masih dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sepanjang Tempoh Promosi sehingga 31 Ogos 2017; dan
- c) yang permohonan diluluskan oleh HLB dalam Tempoh Promosi,

akan menerima kod promosi untuk satu (1) pasang tiket wayang “Golden Screen Cinemas” (“GSC”) dalam tempoh lapan (8) minggu daripada berakhirnya Tempoh Kempen (“Pemegang Akaun Berjaya”).

3. Sekiranya Akaun Terlibat ditutup akibat daripada apa-apa sebab pada bila-bila masa sebelum 31 Julai 2017, Pemegang Akaun Berjaya hilang kelayakan untuk menerima tiket wayang GSC.
4. Bagi mengelakkan keraguan, tiket wayang GSC akan diperuntukkan berdasarkan siapa cepat, dia dapat dengan had sebanyak tiga ratus enam puluh (360) pasang tiket wayang GSC akan diberikan di bawah Promosi ini ("Had Tiket Wayang"). Selaras dengan Had Tiket Wayang, walau apa pun yang dinyatakan di sini, tiada tiket wayang GSC akan disediakan untuk Pemegang Akaun Layak setelah Had Tiket Wayang diperuntukkan sepenuhnya.
5. Setiap Pemegang Akaun Berjaya terhad untuk menerima satu (1) pasang tiket wayang GSC sahaja di bawah Promosi ini. Tiket wayang GSC akan diberi dalam bentuk kod promosi yang akan dihantar melalui e-mel ke alamat e-mel yang diberikan oleh Pemegang Akaun Layak dalam masa lapan (8) minggu daripada berakhirnya Tempoh Kempen dan ia adalah menjadi kewajipan setiap Pemegang Akaun untuk memberi alamat e-mel yang betul dan terkini mereka kepada HLB. HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB tidak dapat menyampaikan / menghantar kod promosi kepada setiap Pemegang Akaun, atas apa-apa sebab sekalipun.
6. Tiket wayang GSC hanya sah untuk tiket wayang 2D dewasa yang biasa dijual di semua pawagam GSC di Malaysia (tidak termasuk filem 3D, "Gold Class", "Premiere Class", "Twin Seats", "Premium Leather Seats", "Dolby Atmos", "GSC Maxx", "D-Box Seats" dan tayangan Filem Festival) dan tidak boleh dinaik taraf.
7. Tiket wayang GSC tidak boleh ditukar dengan wang tunai mahupun digunakan bersama-sama dengan lain-lain program promosi, tawaran, diskaun, baucar atau kad keistimewaan.
8. Tiket wayang GSC hanya boleh ditebus melalui tiket "e-Payment" dan aplikasi mudah alih GSC. Tiket wayang GSC adalah tidak sah untuk penebusan melalui kaunter tiket di GSC. Yuran tempahan sebanyak RM0.50 setiap tiket akan ditanggung oleh Pemegang Akaun Berjaya.
9. Terma dan syarat yang dikenakan bagi tiket wayang GSC adalah di luar kawalan HLB dan ditetapkan oleh GSC.

T&S Am

10. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun bersetuju:
 - (a) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan **T&S** yang terkandung di sini dan apa-apa terma dan syarat lain berkaitan yang mungkin dikenakan oleh HLB dari masa ke semasa;
 - (b) bahawa keputusan HLB di atas semua perkara berkaitan dengan Promosi hendaklah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun. Tiada rayuan atau surat-menyurat selanjutnya akan dilayan;
 - (c) untuk mengakses www.hlb.com.my dan/atau www.hlisb.com.my ("laman web Bank") secara kerap untuk melihat **T&S** dan memastikan bahawa Pemegang Akaun sentiasa mendapat maklumat terkini dengan sebarang perubahan atau pertukaran kepada **T&S**.
 - (d) bahawa tiket wayang GSC tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau seumpamanya.
11. HLB berhak untuk:
 - (a) membatalkan tiket wayang GSC dalam keadaan sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap **T&S** yang terkandung di sini;
 - (b) membatalkan mana-mana Pemegang Akaun mengikut budi bicara tunggal dan mutlak daripada menyertai Promosi ini untuk apa-apa alasan pun termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:
 - (i) jika Pemegang Akaun telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pemalsuan atau penipuan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang

diberikan oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (tertakluk kepada suatu petisyen oleh mana-mana bank atau mana-mana pihak ketiga) atau adalah tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Promosi.

12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara **T&S** di sini dan Terma dan Syarat Akaun, **T&S** yang terkandung di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara **T&S** yang terkandung di sini berbanding dengan terma dan syarat yang ditemui dalam pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, **T&S** yang dipaparkan di laman web Bank pada tarikh semasa akan diguna pakai.
14. **T&S** ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.